

MELIHAT HILAL BERMANFAAT BUKAN MEMBAZIR

Dr (H) Kassim Bin Bahali

Setiausaha Persatuan Falak Syar'ie Malaysia

Amalan rukyah atau melihat hilal (anak bulan) adalah sebagai melaksanakan sebahagian dari tuntutan ibadah puasa sebagaimana yang dijelaskan di dalam hadis yang bermaksud; “ Berpuasalah kamu sekalian kerana melihat hilal dan berbukalah kamu sekalian kerana melihat hilal. Bila hilal itu tertutup awan atasmu, maka takdirkanlah ia tiga puluh hari”(Riwayat Muslim)

Al-Quran juga turut menyentuh persoalan mengenai hilal. Firman Allah yang bermaksud; “ Mereka bertanya kepadamu tentang hilal. Katakanlah hilal itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan ibadat haji.”(Al-Baqarah :189)

Jika dilihat secara positif amalan rukyah (melihat hilal), kita akan dapat melihat ada hikmahnya di sebalik amalan tersebut. Diantaranya menunjukkan Islam adalah ajaran/ agama yang lengkap dan menyeluruh (kamil dan syamil) kerana amalan ibadatnya bukan sahaja bersifat spiritual tetapi juga merangkumi perjalanan fizikal alam cakerawala. Mustafa Masyhur di dalam bukunya “ Bekalan di dalam perjalanan dakwah” mengenai hikmah amalan melihat hilal untuk menentukan awal Ramadhan membuat kita sedar tentang hubungan kita dengan alam cakerawala. Dengan penelitian di angkasa raya ini, sekali gus kita dapat meneliti kejadian-kejadian lain yang diciptakan oleh Allah dan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan Allah dan kebesarannya di alam buana.

Amalan melihat hilal adalah satu aktiviti yang bersifat saintifik kerana ia melalui proses-proses sains yang tertentu. Inilah diantara keistimewaan ajaran Islam kerana aspek sains diambil kira sebagai satu wasilah dalam pelaksanaan ibadat. Ini menggambarkan Islam satu ajaran yang memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan dalam pelaksanaan ibadat bukan sekadar hafalan atau ikutan sahaja.

Jika umat Islam mengamalkan apa yang terkandung di dalam ajaran Islam dan dalam hal ini amalan melihat hilal seharusnya menjadi sebahagian dari budaya umat Islam. Jika budaya ini berlaku dan dibangunkan secara positif sehingga hari ini akan menjadikan umat Islam maju ke hadapan dari segi pengetahuan sains terutamanya ilmu falak yang berhubung dengan perjalanan bulan, Matahari dan jasad-jasad cakerawala yang lain.

Umat Islam seharusnya telah maju dan menguasai ilmu falak. Mereka seharusnya boleh menjelaskan apa yang dikatakan hilal, faktor-faktor yang mempengaruhi kenampakannya, pergerakan bulan dan Matahari serta membina almanak sendiri tanpa bergantung kepada almanak dari luar dunia Islam. Hari ini umat Islam terpaksa menggunakan atau merujuk kepada almanak yang dihasilkan oleh pihak NASA atau yang bukan dari Negara Islam. Hari ini kajian berkaitan hilal ini banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana bukan Islam.

Sedangkan Al-Quran sendiri telah menyebut berulang-ulang kali berhubung dengan ilmu falak seperti yang berkaitan dengan bulan, Matahari, bintang, buruj, langit dan bumi. Sebagai contoh Al-Quran menyentuh mengenai bulan sebanyak 27 kali dan Matahari sebanyak 33 kali. Dan Al-Quran berulang kali menyarankan agar memerhatikan kejadian langit dan bumi seperti firmanNya yang bermaksud, “ Katakanlah perhatikanlah apa yang ada di langit dan Bumi” (Yunus: 101). Dari sini dapat diambil pengajaran betapa pentingnya memerhati kejadian alam ini kerana ia menjadi satu bukti kekuasaan Pencipta yang Maha Pencipta dan agar manusia dapat mengambil manfaat dari alam di sekelilingnya untuk keperluan kehidupannya.

Amalan melihat hilal bukan setakat untuk mengetahui samada nampak atau tidak hilal tetapi jauh lebih dari itu untuk melihat tanda-tanda kebesaran Yang Maha Pencipta, Allah. Amalan rukyah jika dilihat secara yang lebih positif seharusnya menjadikan umat Islam lebih luas ilmu pengetahuan kerana amalan tersebut melibatkan pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu astronomi, matematik, fizik, optic dan meteorology. Amalan ini seharusnya membuat umat Islam memerhati dan meneliti kejadian-kejadian lain di alam semesta ini seperti yang disebut di dalam Al-Quran kejadian langit dan bumi, pertukaran siang dan malam, peredaran bulan dan Matahari, pasang-surut air laut, gerhana bulan dan Matahari, peredaran planet-planet,

buruj dan bintang. Penciptaan alat-alat optic seperti teleskop seharusnya dikuasai oleh masyarakat Islam kerana dari dahulu mereka disarankan supaya memerhati dan meneliti alam semesta.

Sekira umat Islam menyahut seruan dan menjadikan amalan melihat dan meneliti alam cakerawala sebagai satu budaya akan menjadikan kita umat yang berpengetahuan lebih-lebih lagi dalam hal yang berkaitan dengan ibadah. Dan ini dapat menjauhkan kita dari perbalahan disebabkan kekurangan ilmu.

Amalan rukyah merupakan satu-satunya warisan amalan yang bersifat saintifik yang masih diamalkan oleh masyarakat Islam. Jika ianya tidak lagi diamalkan maka ia akan menjadi bahan sejarah yang hanya menjadi tontonan di muzium seperti yang berlaku kepada beberapa instrument saintifik yang dicipta oleh umat Islam seperti Rubu Mujayyab yang digunakan oleh masyarakat Islam pada satu masa dahulu untuk menentukan waktu, arah kiblat dan waktu solat. Begitu juga dengan instrument jam suria, tongkat istiwa, astrolabe tidak ramai yang mengetahuinya dan tahu menggunakannya sebaliknya hanya menjadi penonton atau pengumpul bahan antic tersebut. Sedangkan alat-alat tersebut adalah sumbangan saintifik oleh umat Islam dahulu kepada dunia. Dengan kata lain pengetahuan saintifik yang dimiliki oleh masyarakat Islam dahulu tidak lagi diwarisi oleh masyarakat Islam hari ini. Ilmu yang diterokai oleh saintis-saintis muslim yang melakukan kajian falak dalam hal kenampakan hilal seperti Ibu Tariq, Al-Khawarizmi, Al-Batani, Habsh dan ramai lagi, tidak lagi diwarisi oleh generasi muslim hari ini.

Amalan rukyah hari ini harus dijadikan sebagai satu ruang kepada umat Islam untuk meneroka kepada ilmu sains yang lain, bagi mencapai maksud itu umat Islam harus diberi peluang dan mencari ruang untuk kembali menguasai ilmu Sains seperti generasi terdahulu. Aktiviti melihat hilal di dua puluh lapan (28) lokasi di Malaysia harus dijadikan sebagai satu ruang untuk memberi pendedahan kepada masyarakat awam muslim di Malaysia untuk mendekati dan memahami amalan ini. Seharusnya masyarakat setempat dijemput untuk turut serta seperti yang dilakukan di beberapa lokasi seperti di Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka yang turut disertai oleh ramai masyarakat awam setempat dan turut disiarkan ke seluruh dunia menerusi internet dan aktiviti ini dilakukan setiap bulan taqvim hijri.

Umat Islam hari ini tidak saja harus berbangga dan berkhayal dengan kejayaan umat Islam terdahulu tetapi harus lebih positif dan membangun supaya memberikan sumbangan yang bernilai kepada kesejahteraan dunia seperti yang dituntut dalam ajaran Islam dan agar kegemilangan umat Islam kembali berulang.